
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007**

Oktober/November 2006

HSC 224 – SEJARAH ASIA TIMUR

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja yakni DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

...2/-

- 2 -

Bahagian A

1. Bincangkan pengaruh Kungfuzeisme dalam pemerintahan dan kehidupan masyarakat di China dan Jepun sebelum kurun ke-19.
2. Nilaikan kedudukan dan peranan golongan terpelajar dan golongan tentera di negara China dan Jepun sehingga akhir kurun ke-18.
3. "Oleh kerana pengaruh China terhadap Jepun amat mendalam, pesejarahan tradisional Jepun benar-benar menyerupai pesejarahan tradisional China". Bahaskan.
4. "Budaya China dan Jepun tradisional memandang rendah terhadap wanita. Oleh yang demikian wanita tidak pernah berupaya mempengaruhi perkembangan sejarah di kedua-dua negara itu sebelum kurun ke-19". Ulaskan.

Bahagian B

5. "Zaman Chou Kemudian (770 SM - 221 SM) dan zaman antara Han dengan Sui (220M-589M) adalah zaman keruntuhan tamadun di China. Tiada perkembangan positif berlaku di China dalam kedua-dua tempoh itu". Bincangkan.
6. "Orang bukan Cina sentiasa dicurigai dan dikuasai oleh orang Cina. Mereka tidak pernah menyumbang kepada keutuhan tamadun dan politik negara China." Dengan merujuk kepada perkembangan sehingga akhir kurun ke-18 nilaikan pernyataan di atas.
7. "Wangsa T'ang tidaklah boleh dianggap sebagai jelmaan semula wangsa Han. Terdapat terlalu banyak perbezaan antara China pada zaman Han dengan China pada zaman T'ang". Bahaskan.
8. Sejauh manakah keadaan di Jepun pada zaman Kamakura berbeza daripada keadaan pada zaman Fujiwara?

- 0000000 -